

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 4 JULAI 2019 (KHAMIS)

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH**

SOALAN : 3

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara spesifik berkenaan bilakah penubuhan *“Independent Police Complaints and Misconduct Commission Police (IPCMC)”* akan dilaksanakan.

JAWAPAN:

Soalan ini akan dijawab bersekali dengan soalan-soalan berikut:

- a) Pertanyaan lisan oleh YB Kota Bharu pada 4 Julai 2019;
- b) Pertanyaan lisan oleh YB Ayer Hitam pada 4 Julai 2019;
- c) Pertanyaan lisan oleh YB Kuala Krau pada 10 Julai 2019;
- d) Pertanyaan lisan oleh YB Ketereh pada 10 Julai 2019;
- e) Pertanyaan lisan oleh YB Kampar pada 16 Julai 2019;
- f) Pertanyaan lisan oleh YB Cameron Highland pada 16 Julai 2019

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Dewan, IPCMC yang akan ditubuhkan akan memberi perhatian khusus kepada isu salah laku dan integriti anggota dan pegawai PDRM. Bagi menangani masalah rasuah dan salah guna kuasa, IPCMC akan bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Kerajaan berharap isu-isu salah laku dalam kalangan anggota PDRM dapat diberi perhatian serius sekaligus meningkatkan lagi tahap integriti anggota PDRM dalam menjadikannya sebuah badan bebas yang cekap dan efisien.
2. Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, pihak Jemaah Menteri telah meluluskan secara dasar penubuhan IPCMC ini dan perbincangan bersama pihak-pihak berkepentingan seperti PDRM dan Badan Peguam Negara masih sedang dijalankan dan akan dimuktamadkan secepat yang mungkin.

NO. SOALAN: 3

3. Rang Undang-undang IPCMC pula akan dibentangkan pada sesi persidangan Parlimen kali ini apabila memoradum Jemaah Menteri berkaitan Rang Undang-undang ini dapat diluluskan oleh Jemaah Menteri pada masa yang terdekat.

Sekian, terima kasih.